

# Dalamkan muara Sungai Besut mula tahun depan

**Jertih:** Projek mendalamkan muara Sungai Besut dan pembinaan benteng pemecah ombak dijangka dimulakan pertengahan tahun depan.

Ia akan memberi faedah kepada penduduk khususnya golongan nelayan di kawasan Kuala Besut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, berkata proses mengeluarkan dokumen tender bagi pelaksanaan projek itu dijangka dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) awal tahun depan.

Katanya, pelaksanaan projek itu agak lewat kerana juruperunding memerlukan masa agak lama bagi melakukan kajian keseluruhan.

“Kita tahu segelintir nelayan laut dalam terpaksa mendaratkan hasil tangkapan mereka di jeti pendaratan Tok Bali, Pasir Putih, Kelantan, kerana muara sungai di Kuala Besut cetek.

## Atasi kesilapan pembinaan

“Namun, projek ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-



Tengku Zaihan (kanan) dan Wan Azinuddin berbincang ketika **meninjau muara sungai** di Kuala Besut.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

gesa kerana ia boleh menimbulkan pelbagai masalah termasuk hakisan pada tebing, selain menyebabkan muara cetek seperti yang berlaku sekarang sekiranya terdapat sebarang kesilapan ketika proses pembinaan.

“Kajian serta kerja reka bentuk membabitkan peruntukan berjumlah RM4.5 juta dilakukan perunding sudah diserahkan kepada Kerajaan Pusat dan JPS kini dalam proses akhir untuk mengeluarkan dokumen tender,” katanya selepas mengada-

kan lawatan dan menderang taklimat mengenai perkembangan projek disampaikan oleh Jurutera JPS Daerah Besut, Wan Azinuddin Wan Ibrahim di Dataran Kuala Besut, di sini.

Tengku Zaihan berkata, kerja mengorek pasir untuk mendalamkan sungai bukan saja akan dilakukan di kawasan muara sungai, malah dipanjangkan sehingga lima kilometer lagi bagi memudahkan pemilik bot laut dalam melabuhkan bot mereka.